

Headline	Kejohanan Catur FRIM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	37	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	240 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,151



## Kejohanan Catur **FRIM**

**BERMAIN** catur dalam hutan? Aktiviti menguji minda ini menarik minat 247 peserta untuk bertanding dalam Kejohanan Catur Rekreasi Alam Sekitar 2013 di kampus Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) di Kepong, baru-baru ini.

Kejohanan yang julung kali diadakan di dalam persekitaran hutan tropika ini dianjurkan bersama Kelab Frim dan Cerdik Catur Enterprise dengan sokongan daripada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (Selangor), Bank Rakyat, Koperasi Frim Berhad, Forestra, Bio-Nature Formula Sdn Bhd, Nature Profusion Sdn Bhd, Nestle, Adabi dan Ayamas.

Majlis perasmian disempurnakan Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif di kawasan perkelahan Sungai Kroh, baru-baru ini. Turut hadir, Penolong Pengarah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (Selangor), Mohd Salleh Sajari; Ketua Pengurusan Korporat Frim, Norhayati Nordin; Naib Yang Dipertua Kelab Frim, Dr Rahim Sudin; dan Pengurus Cerdik Catur Enterprise, Mohd Fadli Zakaria.

Pertandingan catur ini menawarkan trofi dan hadiah tunai RM1,000 untuk juara Kategori Terbuka. Peserta terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan usia di bawah kategori Terbuka; Bawah 17; dan Bawah 12, dari jam 10 pagi hingga 6 petang. Bagi Kategori Terbuka, Evan Timothy Capel menjadi juara, manakala S Nithyalakshmi dan Puteri Munajjah Az-Zahraa Azhar masing-masing mendapat tempat pertama dalam Kategori Bawah 17 dan Bawah 12.

Pemenang kategori Terbuka menerima hadiah trofi dan wang tunai masing-masing berjumlah RM1,000 (juara), RM700 (naib juara) dan RM500 (tempat ketiga).



**Ahmad Nazmi Md-Nizam, 14, ditemani ibu bapanya, Hamidah Abdul Aziz, 42, dan Md Nizam Md Som, 45.**

Headline	Kejohanan Catur FRIM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	11 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	37	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	240 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,151



**Abd Latif (tengah) merasmikan Kejohanan Catur Rekreasi Alam Sekitar 2013.**